# Peranan JPS elak tragedi lemas berulang

Tragedi lapan sahabat mati lemas di Sungai Muar Buloh Kasap, Johor, baru-baru ini, mendapat simpati pelbagai pihak. Berikutan tragedi menyayat hati itu, banyak pandangan dan pendapat diutarakan, apa yang perlu dilakukan agar tragedi seumpama itu boleh dielakkan dan tidak berulang.

Aktivis masyarakat Tan Sri Lee Lam Thye dalam tulisannya di ruangan ini (*BH* 27 Februari) mencadangkan agar kerajaan menubuhkan Majlis Keselamatan Air (NWSC), yang berperanan secara menyeluruh berhubung dengan rakyat dan sungai.

Dalam ruangan yang sama, Haji Mohd Zin dari Alor Gajah, Melaka, mencadangkan ibu bapa wajar menggalakkan anak mereka belajar berenang sejak kecil.

## Syor wajibkan aktiviti renang

Dalam ruangan ini juga keesokannya, seorang pembaca bernama Syikin dari Puchong, Selangor, mengesyorkan agar kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan aktiviti berenang dalam kokurikulum di sekolah.

Semua cadangan di atas adalah baik dan wajar dipertimbangkan. Kesempatan ini, saya ada cadangan iaitu kerajaan di bawah Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) perlu memainkan peranan utama. JPS wajar membuat tinjauan menyeluruh di semua sungai di seluruh negara bagi memastikan mana-mana lokasi boleh melakukan aktiviti sungai sama ada mandi-manda atau memancing dan lokasi yang berbahaya.

Cadangan saya ini bersandarkan setiap kali berlaku tragedi lemas adalah ketika musim kemarau, ketika air sungai surut (cetek). Kebiasaannya ketika musim begini masyarakat kita (terutama remaja dan kanak-kanak) suka melakukan aktiviti berkenaan.

Oleh itu, JPS perlu memastikan setiap kawasan pesisir sungai di seluruh negara yang kelihatan landai, berpasir dan cetek, tidak ada pasir jerlus.

## Amaran pasir jerlus

Sekiranya kawasan itu ada 'pasir jerlus', JPS hendaklah meletakkan tanda amaran larangan mengadakan sebarang aktiviti.

Tentu ramai faham kawasan pasir jerlus dan pusaran air amat memberi risiko walaupun seseorang itu pandai berenang.

Mana-mana kawasan diletakkan tanda larangan sebarang aktiviti, pihak pengawal keselamatan seperti tentera, polis, rela, Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wajar membuat pemantauan setiap masa.

Ia bagi memastikan tidak ada sesiapa menceroboh kawasan itu.

Sekiranya ada yang ingkar, tindakan undang-undang dan hukuman berat wajar dikenakan. Bagi memastikan keadaan benar-benar selamat, masyarakat setempat wajar memberi kerjasama.

Ibu bapa juga perlu memastikan anak mereka tidak melakukan sebarang aktiviti di kawasan yang dikenal pasti berbahaya. Guru wajar menasihati murid agar terus pulang ke rumah sebaik saja habis waktu sekolah.

**Nazri Sham,**
Chenor, Pahang


KESELAMATAN

Saranan cegah tragedi mati lemas berulang

*Papan tanda amaran mengingatkan pelancong mengenai keselamatan di pantai dan pusat peranginan.*

"Kita perlu sokong langkah meningkatkan penyeliaan di pantai, sungai dan tempat tarikan yang lain"

LANGKAH PENCEGAHAN

Ibu bapa galak anak belajar berenang

*Mengajar anak berenang memberi manfaat ketika kecemasan.*

*Keratan akhbar dalam **ruangan Forum BH bertarikh 27 Februari 2014.***

> *"JPS wajar membuat tinjauan menyeluruh di semua sungai seluruh negara bagi **memastikan mana-mana lokasi boleh melakukan aktiviti sungai sama ada mandi-manda atau memancing dan lokasi yang berbahaya**"*

**FORUM**

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@bh.com.my**